

PROSEDUR PERMOHONAN UNTUK PERTIMBANGAN PEMBERIAN BANTUAN KERAJAAN KEPADA PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO) UNTUK PELAKSANAAN PROGRAM KESEJAHTERAAN BANDAR, KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

1. PENGENALAN AZAM BANDAR

- 1.1 Program AZAM Bandar bermatlamat untuk meningkatkan kemahiran kumpulan sasar iaitu golongan miskin di bandar supaya mampu mengusahakan perniagaan yang boleh memberikan pendapatan yang lebih tinggi, dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup dan keluar dari kemiskinan
- 1.2 Dilaksanakan dengan kerjasama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang **berdaftar dengan mana-mana Pendaftar atau kuasa undang-undang negara**. NGO yang dilantik adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan perkara-perkara berikut:
 - i. Membuat bancian dan pencarian peserta;
 - ii. Melaksanakan kursus kemahiran dan keusahawanan (selama 7hari) berdasarkan senarai kursus seperti di **Lampiran I**;
 - iii. Membekalkan peralatan mengikut bidang kursus yang dihadiri oleh peserta;
 - iv. Menjalankan bimbingan dan pemantauan terhadap peserta; dan

- v. Menyedia dan mengemukakan laporan pelaksanaan kursus, pembekalan peralatan dan pemantauan kepada KPKT

2. PROSEDUR PERMOHONAN

- 2.1 Permohonan mestilah menggunakan borang permohonan yang disediakan dan dikeluarkan oleh KPKT seperti di **Lampiran A**;
- 2.2 Borang permohonan mestilah disertai dengan:
 - (i) Sesalinan Perlembagaan atau *Memorandum of Articles* NGO;
 - (ii) Salinan Sijil Pendaftaran Pertubuhan
 - (iii) Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Tahunan untuk **3 tahun berturut-turut**; dan
(sekiranya kurang dari 3 tahun, NGO perlu memberi penjelasan)
 - (iv) Kertas kerja yang lengkap dan mengandungi perkara berikut:
 - a. Keterangan aktiviti/ program dan jangkaan faedahnya kepada kumpulan sasar;
 - b. Anggaran keperluan kewangan dan kos secara terperinci bagi setiap aktiviti/ program yang dicadangkan mengikut jadual di bawah;

Bil	Butiran	Had Maksimum Seorang Peserta (RM)
1	Pencarian dan Bancian Peserta	
2	Kursus AZAM Bandar	
4	Elaun Penginapan, Makan Minum, Tambang Menambang dan Wang Saku	
5	Peralatan Perniagaan (termasuk caj penghantaran)	
6	Caj Pengurusan dan Pemantauan	
Jumlah Bagi Seorang Peserta		
Jumlah Bagi xxx Orang Peserta		

- c. Kedudukan kewangan terkini dan rancangan masa hadapan untuk meneruskan aktiviti tanpa bantuan tambahan;
- d. Keupayaan dan kaedah untuk melaksanakan aktiviti/program, misalnya dari segi organisasi/ sumber manusia/ jawatankuasa/ jentera yang ada;
- e. Maklumat mengenai bantuan yang diterima daripada Kementerian/ Jabatan lain, sekiranya ada; dan
- f. Keterangan bagaimana NGO boleh membantu Kerajaan melalui KPKT untuk memperbaiki perkhidmatan kepada masyarakat.

- 2.3 Bagi NGO yang pernah menerima bantuan daripada KPKT, sila nyatakan tahun dan jumlah bantuan yang diterima;
- 2.4 Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada **Bahagian Kesejahteraan Bandar, Aras 15, KPKT** secara **serahan tangan** pada atau sebelum **7 Disember 2018**;
- 2.5 Borang yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan;
- 2.6 Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan:

Nama	Telefon	Emel
En. Mohd Khairul Azmi Bin Khairuddin	03-88914436	khairulazmi@kpkt.gov.my
Cik Nur Asikin Binti Sahar	03-88914795	nur.asikin@kpkt.gov.my

Bahagian Kesejahteraan Bandar
Kementerian Perumahan dan Kerajaan tempatan

LAMPIRAN I

BIL	KURSUS
1	Pembangunan Minda Insan
2	Pembangunan Keusahawanan dan Celik Kewangan
3	Bina Upaya
	<p>a) Servis / Pembaikan Peralatan</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Servis Komputer ✓ Servis Pendingin Hawa ✓ Servis Telefon Bimibit ✓ Penyelenggaraan Kenderaan (<i>Mobile Mechanic</i>)
	<p>b) Jahitan</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Jahitan Langsir ✓ Jahitan Pakaian ✓ Jahitan Kreatif ✓ Jahitan <i>Alterration</i>
	<p>c) Makanan dan minuman</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Bakeri ✓ Makanan Sejuk Beku ✓ Kuih Tradisional dan Moden ✓ Kios Makanan & Minuman ✓ Kios Aiskrim
	d) Baiki Kasut
	e) Percetakan
	<p>f) Perkhidmatan Domestik</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Asuhan Kanak-kanak ✓ <i>Home Dobi</i> ✓ Pengurusan Kediaman ✓ Cuci Kenderaan

	<p>g) Peruncitan dan Pemasaran</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Peruncitan dan pemasaran (online) ✓ Peruncitan dan pemasaran (offline) ✓ Perkhidmatan penghantaran
	<p>h) Pembaikan Rumah</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Perpaipan ✓ Kimpalan ✓ Mengecat
	<p>i) Kesihatan</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Urutan Tradisional dan Mobil Spa ✓ Urutan Selepas Bersalin (Post Natal) ✓ Terapi Bekam
	<p>j) Dandanan Diri</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Pembuatan Sabun Herba ✓ Rawatan dan Gunting Rambut (Unisex) ✓ Juru Andaman dan Kecantikan ✓ Rawatan wajah
	<p>k) Landskap Lembut dan Pemetongan Rambut</p>
	<p>l) Mobile Fast Photography</p>
	<p>m) Pusat Sehenti Perkhidmatan</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Fotostate (Percetakan) ✓ Telekomunikasi ✓ Perbaharui insuran dan cukai jalan ✓ Mini cafe siber
	<p>n) Penyediaan hadiah/hamper dan cenderahati</p>